

PENGAMAL media yang menyertai program DBKL Bersama Media: Walk Hunt 2023.



'BURU' JAWAPAN 3KM

Lebih 100 pengamal media uji minda jawab 25 soalan dalam DBKL Bersama Media: Walk Hunt 2023

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Lebih 100 media pelbagai agensi mencabar kemampuan untuk 'memburu' jawapan bagi 25 soalan yang menguji minda program Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Bersama Media: Walk Hunt 2023, baru-baru ini.

Mereka perlu berfikir pantas untuk mendapatkan

jawapan yang tersedia di lokasi ditentukan membabitkan laluan sepanjang tiga kilometer (km).

Cabaran selama tiga jam itu bermula dari jam lapan pagi dan berakhir pada jam 11 pagi di Menara DBKL.

Selain menyelesaikan 25 soalan wajib, peserta perlu menyempurnakan tiga 'task' tambahan iaitu membalung bola keranjang

ke jaring, membuat video pendek TikTok dan memarah untuk markah tambahan.

Sebanyak 25 kumpulan daripada 50 kumpulan dipilih sebagai pemenang yang diberikan hadiah bawar.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh berkata, program itu dianjurkan sebagai

menghargai sumbangan media menerusi laporan berita yang positif mengenai DBKL.

Menurutnya, pembabitkan pengamal media dalam memberikan laporan yang positif memperlihatkan DBKL sebagai sebuah organisasi yang mampu menguruskan pembangunan fizikal dan kesejahteraan warga kota dengan baik.

"Program ini adalah aktiviti tahunan dan ia kali kesembilan penganjurannya sejak dimulakan pada 2014.

"Sepanjang Walk Hunt berlangsung, peserta berpeluang menikmati keindahan bandar raya Kuala Lumpur yang berlatar belakang kehijauan dan bangunan pencakar langit.

"Selain itu, dapat

melihat inisiatif yang dilaksanakan DBKL bagi memastikan DBKL kekal bersih, indah dan sejahtera," katanya.

Kamarulzaman berkata, besar harapan beliau supaya hubungan dengan media dipereratkan bagi membolehkan warga kota mendapat hebahan maklumat terkini berkaitan inisiatif dilaksanakan DBKL.